

PRAKATA

Salam Malaysia Madani,

Salam karamah insaniah,

Salam JPN Selangor Sentiasa Berkualiti dan Terus Unggul.

Setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Kit Celik Bahasa Selangor (KCBS) berjaya dihasilkan.

KCBS sebenarnya merupakan kesinambungan daripada Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS) yang telah pun disebarluaskan penggunaannya bukan sahaja di Selangor, malah di seluruh negara berkat daripada keberkesanannya untuk meningkatkan kemahiran menulis. Jika KCMS berfokus pada teknik mengarang, yang kemudiannya telah dipelbagaikan penggunaannya untuk kemahiran bertutur, KCBS ini pula berfokus pada pemantapan pedagogi guru untuk memperkasakan **kemahiran membaca dan penguasaan aspek sistem bahasa** dalam kalangan murid. Dengan kata-kata lain, jika KCMS menjadi bahan sokongan untuk Kertas 1 Bahasa Melayu SPM, maka KCBS pula menjadi bahan sokongan yang dapat mempersiapkan guru untuk membantu murid-murid menguasai kesemua Soalan 1 hingga Soalan 9 dalam Kertas 2 Bahasa Melayu SPM.

Melalui KCBS, pelbagai teknik, rumus atau formula akan dipelajari oleh murid-murid untuk menguasai kemahiran membaca dan sistem bahasa khususnya. Antaranya, pelbagai teknik bacaan yang disarankan dalam buku teks KSSM akan diperkukuh kefahaman dan cara penggunaannya. Hal ini penting kerana teknik bacaan akan mempermudah cara murid untuk menganalisis bahan dan menulis jawapan yang bersesuaian dengan sesuatu tugas. Kit ini bukan sahaja memberikan panduan kepada guru untuk mengaplikasikan teknik bacaan yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran supaya murid-murid dapat menguasai cara untuk menjawab soalan pemahaman dan menghasilkan rumusan, malah turut berupaya untuk merungkai kekeliruan murid khususnya dalam aspek morfologi dan sintaksis melalui inovasi Kit Analisis Morfologi dan Sintaksis serta pelbagai rumus lain untuk penyuntingan, pengalihan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu Standard serta pembelajaran peribahasa secara bertema.

Kandungan KCBS ini juga menepati keperluan kurikulum berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), memperkenalkan teknik pedagogi yang kreatif, bervariasi dan berkesan untuk merealisasikan matlamat DSKP, malah seiring dengan keperluan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sehubungan dengan itu, Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Selangor berharap agar KCBS dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh Panitia Bahasa Melayu di sekolah.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran dan semua panel penggubal atas usaha murni menghasilkan KCBS ini. Saya berharap semoga KCBS ini dapat memberikan manfaat kepada semua guru Bahasa Melayu di negeri Selangor yang terbilang ini. Secara tidak langsung, saya mengharapkan modul ini mampu mencetuskan minat murid untuk mempelajari subjek Bahasa Melayu dengan baiknya, agar murid-murid mempamerkan jati diri yang mahmudah, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan negara kita.

Sekian, terima kasih.

PENGENALAN

Modul Kit Celik Bahasa Selangor (KCBS) merupakan panduan kepada semua guru untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran. Modul ini dilengkapi dengan panduan secara mendalam untuk memudahkan guru menguasai aspek pengajaran Kertas 2 Bahasa Melayu KSSM SPM.

Modul KCBS ini terdiri daripada kit:

- (i) morfologi
- (ii) sintaksis
- (iii) penyuntingan
- (iv) bahasa Melayu standard
- (v) peribahasa
- (vi) pemahaman petikan umum
- (vii) pemahaman petikan sastra
- (viii) pemahaman novel
- (ix) rumusan

Modul KCBS ini selaras dengan kemahiran membaca dan kemahiran menulis yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Hal ini dikatakan demikian kerana fokus utama modul ini ialah murid dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis pada tahap tekal, terperinci dan menjadi suri teladan. Sehubungan dengan itu, Modul KCBS mengandungi pelbagai teknik bacaan seperti CHATT, QUACK, REAP dan ACID untuk memudahkan guru-guru mengaplikasi teknik ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Modul ini turut memuatkan teknik-teknik baharu hasil inovasi para panel penggubal. Pada setiap bahagian, perkongsian teknik disertakan secara terperinci sebagai panduan kepada guru. Teknik yang dikongsi ini diharapkan dapat membantu guru merealisasikan setiap Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam DSKP sekali gus memantapkan penguasaan murid dalam setiap bahagian Kertas 2 Bahasa Melayu SPM.

Kami berharap agar Modul KCBS dapat membantu para pendidik mengajar murid berpanduan pelbagai teknik untuk memastikan kemahiran membaca dan menulis serta sistem bahasa yang mantap dapat dikuasai oleh murid-murid.

ISI KANDUNGAN

1

Sistem Bahasa

- Morfologi
- Sintaksis
- Penyuntingan
- Bahasa Melayu Standard
- Peribahasa

2

Pemahaman Petikan Umum

3

Pemahaman Petikan Sastera

4

Pemahaman Novel

5


Rumusan



SISTEM BAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN				
	TINGKATAN 1	TINGKATAN 2	TINGKATAN 3	TINGKATAN 4	TINGKATAN 5
(T1 – T3) 5.1 Golongan Kata (T4 & T5) 5.2 Memahami dan menggunakan golongan kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	5.1.1 kata nama am dan kata nama khas yang tunggal dan majmuk 5.1.2 kata adjektif warna, bentuk, perasaan dan waktu 5.1.3 kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pembenar dan kata pangkal ayat 5.1.4 kata kerja tak transitif	5.1.1. kata ganti nama dan akronim 5.1.2 kata adjektif jarak, pancaindera, ukuran dan sifat 5.1.3. kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemer, kata arah dan kata bilangan serta kata pascakata iaitu kata penekanan dan kata pembenda 5.1.4 kata kerja transitif	5.1.1 kata nama dan kata pinjaman 5.1.2 kata adjektif 5.1.3 kata tugas 5.1.4 kata kerja	5.2.1 golongan kata nama 5.2.2 kata kerja 5.2.3 kata adjektif 5.2.4 kata tugas	5.2.1 golongan kata dalam pelbagai laras bahasa
(T1 – T3) 5.2 kata ganda (T4 – T5) 5.1 bentuk kata	5.2.1 kata ganda penuh berimbuhan dan kata ganda majmuk	5.2.1 kata ganda separa tunggal dan separa berimbuhan	5.2.1 pelbagai kata ganda	5.1.1 bentuk kata tunggal dan kata majmuk 5.1.2 kata terbitan Kata ganda dari akronim	5.1.1 kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa 5.1.2 kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa 5.1.3 kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa
5.3 kata terbitan	5.3.1 awalan dan akhiran bagi kata nama	5.3.1 apitan bagi kata nama	5.3.1 pelbagai kata terbitan		
(T1 – T3) 5.4 frasa (T4 – T5) 5.3 ayat	5.4.1 frasa nama	5.4.1 frasa adjektif	5.4.1 pelbagai frasa	5.3.1 frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. 5.3.2 ayat dasar 5.3.3 ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang dan ayat majmuk 5.3.4 ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan	5.3.1 frasa dalam pelbagai laras Bahasa 5.3.2 ayat terbitan 5.3.3 ayat majmuk 5.3.4 ragam ayat
5.5 memahami dan membina pelbagai ayat	5.5.1 pola ayat	5.5.1 ayat tunggal dan jenis ayat	5.5.1 membina dan menukar struktur ayat		
5.6 menganalisis ayat	5.6.1 menganalisis dan membetulkan kesalahan ayat mudah	5.6.1 menganalisis dan membetulkan kesalahan kata dan frasa dalam sesuatu ayat	5.6.1 menganalisis dan menggunakan tatabahasa yang betul dalam ayat		

SISTEM DAN APLIKASI BAHASA



1

Kitamorfosis



Morfologi




Sintaksis

Teknik Kitamorfosis terdiri daripada dua kit, iaitu Kit Analisis Morfologi dan Kit Analisis Sintaksis yang dapat mempermudah pengajaran morfologi (Soalan 1) dan sintaksis (Soalan 2).

Kitamorfosis merupakan hasil inovasi ciptaan ©Alex Leong Jun Wei, Munsyi Dewan (Bahasa) dan inovasi ini telah dibentangkan dalam Kolokium Kebangsaan SIPartners+ dan SISC+ 2023 di MITC Melaka.

2



Teknik KEFI memberikan panduan kepada guru agar berfokus pada **empat jenis kesalahan**, iaitu kesalahan **kata** atau istilah, kesalahan **ejaan**, kesalahan **frasa**, dan kesalahan **imbuhan** apabila menyunting petikan yang diberikan (Soalan 3).

3

KeM TuGu

Ke

Kekal

M

Murni

Tu

Tukar

Gu

Gugur

Teknik 'KeM TuGu' digunakan untuk mengalihkan bahasa klasik ke dalam bahasa Melayu standard (Soalan 4: Bahasa Melayu Standard).

Sepintas Lalu Kandungan Kit Analisis Morfologi

1. Memahami konsep asas morfologi

1

Cuba teliti ciri-ciri luaran (bentuk) perkataan yang berikut:

Bil.	Perkataan	Ciri Luaran	Bentuk Kata
1	Buah	Tiada apa-apa ciri khusus	Kata Tunggal
2	Ber buah	Ada awalan ber-	Kata Terbitan
3	Buah hati	Digandingkan dengan kata " hati "	Kata Majmuk
4	Buah - buahan	Ada tanda sempang " - " dan pengulangan kata "buah" dengan akhiran	Kata Ganda

2

2. Menguasai maksud dan idea tentang bentuk kata

Tip untuk Mencari Kata Nama

Inti utama dalam subjek ayat	Penjodoh bilangan
Objek kepada kata kerja transitif	Terletak di belakang kata pemerai "ialah"
Dapat didahului kata bilangan (dan * penjodoh bilangan untuk kata nama yang konkrit)	Berimbuhan akhiran -an, -man, -wan, isme ...
Terletak di belakang kata sendi nama	berimbuhan awalan pe-/peN-/peR-
Kata ganti nama - diri/ tunjuk	Berimbuhan apitan ke-...-an, peN-...-an atau peR-...-an
Benda konkrit atau abstrak yang biasanya merujuk pihak (orang/haiwan/ organisasi), tempat, perkara (biasanya boleh menjawab siapa, mana atau apa)	

3. Mempelajari pelbagai tip penting untuk mengenal pasti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas

3

(1) **Hari kebangsaan** adalah antara **sambutan** peristiwa penting yang diadakan di **negara** kita pada tiap-tiap **tahun**. (2) **Pelibatan** daripada semua **peringkat** masyarakat amat mustahak untuk memeriahkan **sambutan** hari kebangsaan. (3) Melalui **pelaksanaan** aktiviti pada **peringkat** sekolah, **universiti** atau **organisasi**, **masyarakat** boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai **acara** yang mendatangkan **manfaat**. (4) Kira-kira 10,000 **buah** **sekolah** di **Malaysia** serta **organisasi** akan mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan **kemerdekaan**, **forum** **patriotisme** dan **cerpen** bertemakan **suasana** muhibah di **tanah air** tercinta saban **tahun**. (5) Sesungguhnya, **institusi pendidikan** ialah **wahana** **integrasi** yang menyatupadukan **masyarakat** majmuk di **Malaysia**. (6) Kini, semakin masyhur dan gemilang **Malaysia** kerana melestarikan **keharmonian**


Bentuk	Kata Tunggal	Kata Terbitan	Kata Majmuk	Kata Ganda
Golongan				
Kata Nama	wang ; bumi ; cenderamata; kata; wanita; sandwic; pintu; gugus; e-mel Akronim IPPTAR; Perhilitan; Intan; cerpen; tadika; pawagam; cerpen; kugiran; asbut; jentolak; purata; debunga; jenama	Juruwang; penyanyi gugusan; kewangan; perkataan; pelibatan; telapak; telunjuk; gerigi	urus setia; tengah hari; rukun tetangga; Timbalan Pengarah; temu duga; tanggungjawab; kakitangan; setiausaha	kereta-kereta; lelaki; gegelang; pepohon; sayur-mayur; lauk-pauk; saudara-mara; anak-pinak
Kata Kerja	ada; balik; datang; mara; terbang; gagal; hancur; mati	Memasak; disapu; mempamerkan; menyukai; meng-e-melkan; berangkat; terjatuh	terima kasih; ambil alih; tolak ansur; berurus niaga; menandatangani; Beranak tiri	gelak-gelak; berbisik-bisik; mencari-cari; bersalam-salaman; bergotong-royong
Kata Adjektif	kuning; terang; kecil; nyenyak; baik	Termasyhur; sependai; kebaratan; kecinaan; kemetot; semerbak; gemuruh	merah jambu; kuning langsung; panjang tangan; ringan tulang; terang hati	kecil-kecil; sependai-pandai; kemerah-merahan; gelap-gelita; kucar-kacir

4

4. Menganalisis setiap perkataan dalam petikan dengan mengisi templat Kit Analisis Morfologi

1 Konsep Asas Morfologi

Morfologi




2 Memahami Maksud Bentuk Kata

Cuba teliti ciri-ciri luaran (bentuk) perkataan yang berikut:

Bil.	Perkataan	Ciri Luaran	Bentuk Kata
1	Buah	Tiada apa-apa ciri khusus	Kata Tunggal
2	Ber buah	Ada awalan ber-	Kata Terbitan
3	Buah hati	Digandingkan dengan kata " hati "	Kata Majmuk
4	Buah- buahan	Ada tanda sempang "-" dan pengulangan kata "buah" dengan akhiran -an.	Kata Ganda

3


Bagaimanakah kita menentukan golongan kata dengan tepatnya?



Tip untuk mencari kata nama

Inti utama dalam subjek ayat	Penjodoh bilangan
Objek kepada kata kerja transitif	Terletak di belakang kata pemerai “ ialah ”
Dapat didahulukan kata bilangan (dan *penjodoh bilangan untuk kata nama yang konkrit)	Berimbuhan akhiran -an, -man, -wan, isme ...
Terletak di belakang kata sendi nama	berimbuhan awalan pe-/peN-/peR-
Kata ganti nama – diri/ tunjuk	Berimbuhan apitan ke-...-an, peN-...-an atau peR-...-an
Benda konkrit atau abstrak yang biasanya merujuk pihak (orang/haiwan/ organisasi), tempat , perkara (biasanya boleh menjawab siapa, mana atau apa)	


(1) **Hari kebangsaan** adalah antara **sambutan peristiwa** penting yang diadakan di **negara kita** pada tiap-tiap **tahun**. (2) **Pelibatan** daripada semua **peringkat masyarakat** amat mustahak untuk memeriahkan **sambutan hari kebangsaan**. (3) Melalui **pelaksanaan aktiviti** pada **peringkat sekolah, universiti** atau **organisasi, masyarakat** boleh mengambil **bahagian** dalam berbagai-bagai **acara** yang mendatangkan **manfaat**. (4) Kira-kira 10,000 **buah sekolah** di **Malaysia** serta **organisasi** akan mengadakan **pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato** berunsurkan **kemerdekaan, forum patriotisme** dan **cerpen** bertemakan **suasana** muhibah di **tanah air** tercinta saban **tahun**. (5) Sesungguhnya, **institusi pendidikan** ialah **wahana integrasi** yang menyatupadukan **masyarakat** majmuk di **Malaysia**. (6) Kini, semakin masyhur dan gemilang **Malaysia** kerana melestarikan **keharmonian kaum** pada **peringkat antarabangsa**.



Tip untuk mencari kata kerja

Terletak di belakang kata bantu	Mempunyai imbuhan ter-
Mempunyai imbuhan meN-, memper-, meN-...-i, meN-...-kan	Di belakang kata nafi tidak. (Tapi mungkin juga kata adjektif)
Mempunyai imbuhan beR-, beR-...-kan, beR-...-an	Mempunyai imbuhan di-, diper-, di-...-kan, di-...-i


(1) Hari kebangsaan adalah antara **sambutan peristiwa** penting yang **diadakan** di **negara kita** pada tiap-tiap tahun. (2) **Pelibatan** daripada semua **peringkat masyarakat** amat mustahak untuk **memeriahkan** sambutan hari kebangsaan. (3) Melalui **pelaksanaan aktiviti** pada **peringkat sekolah, universiti** atau **organisasi, masyarakat** boleh **mengambil** **bahagian** dalam berbagai-bagai **acara** yang **mendatangkan** **manfaat**. (4) Kira-kira 10,000 **buah sekolah** di **Malaysia** serta **organisasi** akan **mengadakan** pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato **berunsurkan** kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen **bertemakan** suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun. (5) Sesungguhnya, **institusi pendidikan** ialah wahana integrasi yang **menyatupadukan** masyarakat majmuk di Malaysia. (6) Kini, semakin masyhur dan gemilang Malaysia kerana **melestarikan** keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa.



Tip untuk mencari kata adjektif

Hadir bersama pelbagai kata penguat seperti sangat . Sekiranya tidak didahului kata penguat, tambahlah kata penguat “sangat” di hadapan. Jika terbentuk frasa adjektif yang sempurna, maka kata tersebut kata adjektif.	Di belakang kata nafi “tidak” (tapi mungkin juga kata kerja)
Di belakang kata bantu (tapi mungkin juga kata kerja)	Berimbuhan ter-, se-, se- + gandaan

(1) Hari kebangsaan adalah antara sambutan peristiwa **penting** yang diadakan di negara kita pada tiap-tiap tahun. (2) Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat amat **mustahak** untuk memeriahkan sambutan hari kebangsaan. (3) Melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti atau organisasi, masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat. (4) Kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia serta organisasi akan mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen bertemakan suasana **muhibah** di tanah air **tercinta** saban tahun. (5) Sesungguhnya, institusi pendidikan ialah wahana integrasi yang menyatupadukan masyarakat **majmuk** di Malaysia. (6) Kini, semakin **masyhur** dan **gemilang** Malaysia kerana melestarikan keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa.



Tip untuk mencari kata tugas

1. Kata hubung	Penyambung ayat	2. Kata sendi nama	Di hadapan kata nama
3. Kata bantu	Di hadapan kata kerja	4. Kata Bilangan	Angka atau jumlah yang tentu ; bilangan tak tentu (semua, para, banyak...); himpunan (ketiga-tiga, beratus-ratus); pisahan (masing-masing, setiap); pecahan (sepertiga, separuh)
5. kata penegas	Juga, turut,	6. Kata adverba	Menjelaskan kata kerja atau kata adjektif.
7. Kata nafi	Tidak, bukan	8. Kata pemer	ialah, adalah
9. Kata penguat	sangat, amat, sungguh, agak, begitu, sekali, nian, benar		

(1) Hari kebangsaan **adalah** **antara** sambutan peristiwa penting **yang** diadakan **di** negara kita **pada** tiap-tiap tahun. (2) Pelibatan **daripada** **semua** peringkat masyarakat **amat** mustahak **untuk** memeriahkan sambutan hari kebangsaan. (3) **Melalui** pelaksanaan aktiviti **pada** peringkat sekolah, universiti **atau** organisasi, masyarakat **boleh** mengambil bahagian **dalam** **berbagai-bagai** acara **yang** mendatangkan manfaat. (4) **Kira-kira** **10,000** buah sekolah **di** Malaysia **serta** organisasi **akan** mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme **dan** cerpen bertemakan suasana muhibah **di** tanah air tercinta **saban** tahun. (5) **Sesungguhnya**, institusi pendidikan **ialah** wahana integrasi **yang** menyatupadukan masyarakat majmuk **di** Malaysia. (6) **Kini**, **semakin** masyhur **dan** gemilang Malaysia **kerana** melestarikan keharmonian kaum **pada** peringkat antarabangsa.

GOLONGAN KATA TUGAS

KATA TUGAS	CONTOH	KATA TUGAS	CONTOH
Kata hubung	dan, atau, tetapi, bahawa, yang, kerana, supaya, agar...	Kata sendi nama	di, ke, dari, pada, daripada, tentang, terhadap, akan, antara, demi...
Kata seru	amboi, aduh, aduhai, cis, wah...	Kata pemer	ialah, adalah
Kata tanya	bagaimana, bila, mengapa, berapa	Kata pembeda	ya, benar, betul
Kata perintah	sila, tolong, minta, harap, jemput, usah, jangan	Kata bilangan	tiga, semua, para, beratus-ratus, masing-masing
Kata pangkal ayat	maka, hatta, syahadan, sebermula	Kata arah	atas, bawah, dalam, tepi, pinggir, utara
Kata bantu	akan, sudah, pernah, belum, harus, perlu, patut, hendak	Kata adverb	begini, selalu, diam-diam
Kata penguat	sangat, amat, sungguh, paling, begitu, sekali, nian, benar	Kata pembenda	lajunya, datangnya
Kata penegas	hanya, pula, juga, pun, -lah, -tah	Kata penekan	nampaknya, bahawasanya, sesungguhnya
Kata nafi	tidak; bukan		

3

Templat Kit Analisis Morfologi

Templat Kit Analisis Morfologi bermatlamat untuk mengupayakan pengguna bahasa, khususnya guru dan murid untuk membimbing murid mengisi templat ini, guru-guru harus merungkai dan merangkai Standard Pembelajaran aspek tatabahasa dalam DSKP untuk merealisasikan pembelajaran modular. Dengan kata-kata lain, guru-guru harus mengajarkan beberapa Standard Pembelajaran untuk morfologi pada masa yang sama. Malah, sekiranya murid terus didedahkan tentang teknik pengenalan pelbagai golongan kata serta berupaya mengenali bentuk sesuatu kata, penggunaan templat ini untuk menganalisis semua perkataan dalam sesuatu ayat atau petikan yang diberikan nescaya akan memperkukuh kefahaman murid tentang semua aspek morfologi

Murid-murid akan berupaya menggandingkan golongan dan bentuk dan mampu menyatakan contoh kata nama terbitan, kata kerja majmuk, kata adjektif ganda dan sebagainya.

Bentuk Golongan	Kata Tunggal	Kata Terbitan	Kata Majmuk	Kata Ganda
Kata Nama	wang; bumi; cenderamata; kata; wanita; sandwic; pintu; gugus; e-mel Akronim IPPTAR; Perhilitan; Intan; cerpen; tadika; pawagam; kugiran; asbut; jentolak; purata; debunga; jenama	juruwang; penyanyi gugusan; kewangan; perkataan; pelibatan; telapak; telunjuk; gerigi	urus setia; tengah hari; rukun tetangga; Timbalan Pengarah; temu duga; tanggungjawab; kakitangan; setiausaha	kereta-kereta; lelaki; gegelang; pepohon; sayur-mayur; lauk-pauk; saudara-mara; anak-pinak
Kata Kerja	Ada; balik; datang; mara; terbang; gagal; hancur; mati	memasak; disapu; mempamerkan; mensyukuri; meng-e-melkan; berangkat; terjatuh	terima kasih; ambil alih; tolak ansur; berurus niaga; menandatangani; beranak tiri	gelak-gelak; berbisik-bisik; mencari-cari; bersalam-salaman; bergotong-royong
Kata Adjektif	Kuning; terang; kecil; nyenyak; baik	termasyhur; sepandai; kebaratan; kecinaan; kemetot; semerbak; gemuruh	merah jambu; kuning langsung; panjang tangan; ringan tulang; terang hati	kecil-kecil; sepandai-pandai; kemerah-merahan; gelap-gelita; kucar-kacir
Kata Tugas	di; tentang; adalah; siapa; kerana; supaya; harus; bukan; tidak; amat; sangat; begitu; memang;	mengenai; melalui; sesungguhnya; seharusnya; teramat; tersangat		siapa-siapa; sesiapa; kira-kira; berbagai-bagai

Mengisi Templat Kit Analisis Morfologi

- Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap perkataan dalam petikan di bawah atau bahan lain yang diberikan dengan mengisi templat **Kit Analisis Morfologi**.

(1) Hari Kebangsaan adalah antara sambutan peristiwa penting yang diadakan di negara kita pada tiap-tiap tahun. (2) Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat amat mustahak untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan. (3) Melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti atau organisasi, masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat. (4) Kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia serta organisasi akan mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen bertemakan suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun. (5) Sesungguhnya, institusi pendidikan ialah wahana integrasi yang menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia. (6) Kini, semakin masyhur dan gemilang Malaysia kerana melestarikan keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa.

Bentuk Golongan	Kata Tunggal	Kata Terbitan	Kata Majmuk	Kata Ganda
Kata Nama				
Kata Kerja				
Kata Adjektif				
Kata Tugas				

Latihan Mengisi Templat Kit Analisis Morfologi

- Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap perkataan dalam petikan di bawah atau bahan lain yang diberikan dengan mengisi templat **Kit Analisis Morfologi**.

(1) Peranan untuk memupuk minat tentang bidang inovasi dalam kalangan murid harus dimainkan oleh pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah, ibu bapa, institusi dan industri. (2) Sebagai contoh, kurikulum yang disediakan oleh KPM pada peringkat sekolah rendah amat sesuai bagi melahirkan murid inovatif, iaitu melalui mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi (RBT). (3) Kurikulum yang terdapat dalam mata pelajaran RBT digubal oleh KPM dengan memberikan penekanan pada standard pembelajaran yang perlu diketahui, difahami dan dikuasai oleh murid sekolah rendah. (4) Murid-murid turut mempelajari berbagai-bagai cabang ilmu dan kemahiran bersifat teknikal malah sains rumah tangga. (5) Oleh sebab itu, KPM sepatutnya mengambil berat tentang masa depan anak watan dengan menitikberatkan pendidikan yang holistik.


Bentuk	Kata Tunggal	Kata Terbitan	Kata Majmuk	Kata Ganda
Golongan				
Kata Nama				
Kata Kerja				
Kata Adjektif				
Kata Tugas				

Templat Kata Tugas (digunakan mengikut kesesuaian dan keperluan)

Kata Tugas	Kata Penyambung Ayat	Kata hubung gabungan	
		Kata hubung pancangan relatif	
		Kata hubung pancangan komplemen	
		Kata hubung pancangan keterangan	
	Kata Praklausa	Kata seru	
		Kata tanya	
		Kata perintah	
		Kata pembenar	
		Kata pangkal ayat	
	Kata Prafrasa dan Kata Pascafrasa	Kata bantu	
		Kata penguat	
		Kata penegas	
		Kata nafi	
		Kata pemerli	
		Kata sendi nama	
		Kata arah	
		Kata bilangan	
		Kata adverb	
	Kata Pascakata	Kata penekan	
		Kata pembenda	

SINTAKSIS

Templat Kit Analisis Sintaksis digunakan sebagai alat untuk memudahkan proses menganalisis ayat mengikut keperluan DSKP. Kit ini merupakan cara menganalisis ayat secara holistik dengan mencerakinkan setiap aspek sintaksis dalam templat sehalaman (*One-Page*).



Templat Kit Analisis Sintaksis

Ayat asal dalam petikan	
Subjek	
Predikat	
Pola Ayat	
Susunan Ayat	
Tukarkan susunan (Songsang)	
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif/ Tidak Berkenaan)	
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	
Jenis Ayat	

Contoh penggunaan Kit Analisis Sintaksis

1. Berdasarkan petikan yang disediakan, guru boleh memetakan setiap ayat ke dalam jadual Kit Analisis Sintaksis.
2. Guru perlu menganalisis ayat seperti binaan ayat, struktur ayat, pola ayat, susunan, ragam dan jenisnya.

Petikan contoh :

(1) Hari Kebangsaan adalah antara sambutan peristiwa penting yang diadakan di negara kita pada tiap-tiap tahun. (2) Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat amat mustahak untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan. (3) Melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti atau organisasi, masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat. (4) Kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia serta organisasi akan mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen bertemakan suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun. (5) Sesungguhnya, institusi pendidikan ialah wahana integrasi yang menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia. (6) Kini, semakin masyhur dan gemilang Malaysia kerana melestarikan keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa.





ANALISIS AYAT

ANALISIS AYAT (1)

Isikan ayat pertama daripada petikan untuk melakukan proses menganalisis ayat.

Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(1) Hari Kebangsaan adalah antara sambutan peristiwa penting yang diadakan di negara kita pada tiap-tiap tahun.
Subjek	Hari Kebangsaan
Predikat	adalah antara sambutan peristiwa penting yang diadakan di negara kita pada tiap-tiap tahun
Pola Ayat	FN + FS
Susunan Ayat	Biasa
Tukarkan susunan (Songsang)	Adalah antara sambutan peristiwa penting yang diadakan di negara kita pada tiap-tiap tahun Hari Kebangsaan.
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif/ Tidak Berkenaan)	Tidak berkenaan
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	Pola Ayat FN+FS tidak dapat ditukar ragam
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat Majmuk Pancangan Relatif (kata hubung pancangan relatif- yang)
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Hari Kebangsaan adalah antara sambutan peristiwa penting. Hari Kebangsaan diadakan di negara kita pada tiap-tiap tahun.
Jenis Ayat	Ayat penyata

ANALISIS AYAT (2)

Isikan ayat kedua daripada petikan untuk melakukan proses menganalisis ayat.

Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(2) Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat amat mustahak untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan.
Subjek	Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat
Predikat	amat mustahak untuk memeriahkan sambutan hari kebangsaan
Pola Ayat	FN+FA
Susunan Ayat	Biasa
Tukarkan susunan (Songsang)	Amat mustahak untuk memeriahkan sambutan hari kebangsaan pelibatan daripada semua peringkat masyarakat. ATAU Amat mustahak pelibatan daripada semua peringkat masyarakat untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan.
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif/ Tidak Berkenaan)	Tidak Berkenaan
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	Tidak Berkenaan
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat majmuk pancangan keterangan. (kata hubung pancangan keterangan - untuk)
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat amat mustahak. Pelibatan daripada semua peringkat masyarakat memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan.
Jenis Ayat	Ayat penyata

ANALISIS AYAT (3)

Isikan ayat ketiga daripada petikan untuk melakukan proses menganalisis ayat.

Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(3) Melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti atau organisasi, masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat.
Subjek	Masyarakat
Predikat	boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti atau organisasi
Pola Ayat	FN+FK
Susunan Ayat	Songsang
Tukarkan susunan (Biasa)	Masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat melalui pelaksanaan aktiviti pada peringkat sekolah, universiti atau organisasi.
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif/ Tidak Berkenaan)	Ayat aktif tak transitif
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	Ayat aktif tak transitif tidak boleh dipasifkan ("mengambil bahagian" ialah kata kerja majmuk tak transitif berpelengkap)
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat Majmuk Gabungan (kata hubung gabungan – atau) * "yang" tidak berfungsi sebagai kata hubung dalam konteks ayat ini. Kata "yang" hanya berfungsi sebagai penerang kepada "acara".
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat pada peringkat sekolah. Masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat pada peringkat universiti. Masyarakat boleh mengambil bahagian dalam berbagai-bagai acara yang mendatangkan manfaat pada peringkat organisasi.
Jenis Ayat	Ayat penyata

ANALISIS AYAT (4)

Isikan ayat keempat daripada petikan untuk melakukan proses menganalisis ayat.

Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(4) Kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia serta organisasi akan mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen bertemakan suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun.
Subjek	Kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia serta organisasi
Predikat	akan mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen bertemakan suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun.
Pola Ayat	FN+FK
Susunan Ayat	Biasa
Tukarkan susunan (Songsang)	Akan mengadakan pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen bertemakan suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia serta organisasi.
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif/ Tidak Berkenaan)	Ayat aktif transitif
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	Pertandingan poster, kuiz, buku skrap, pidato berunsurkan kemerdekaan, forum patriotisme dan cerpen bertemakan suasana muhibah akan diadakan oleh kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia serta organisasi di tanah air tercinta saban tahun.
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat Majmuk Gabungan (kata hubung gabungan - serta, dan)
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Kira-kira 10,000 buah sekolah di Malaysia akan mengadakan pertandingan poster bertemakan suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun. Organisasi akan mengadakan pertandingan cerpen bertemakan suasana muhibah di tanah air tercinta saban tahun. (Bukan senarai lengkap - boleh dicerakinkan kepada banyak ayat yang lain)
Jenis Ayat	Ayat Penyata

ANALISIS AYAT (5)

Isikan ayat kelima daripada petikan untuk melakukan proses menganalisis ayat.

Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(5) Institusi pendidikan ialah wahana integrasi yang menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia.
Subjek	Institusi Pendidikan
Predikat	ialah wahana integrasi yang menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia.
Pola Ayat	FN+FN
Susunan Ayat	Biasa
Tukarkan susunan (Songsang)	Ialah wahana integrasi yang menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia institusi pendidikan.
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif/ Tidak Berkenaan)	Tidak Berkenaan
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	Tidak Berkenaan
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat Majmuk Pancangan Relatif (kata hubung pancangan relatif- yang)
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Institusi pendidikan ialah wahana integrasi. Institusi pendidikan menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia.
Jenis Ayat	Ayat penyata

ANALISIS AYAT (6)

Isikan ayat keenam daripada petikan untuk melakukan proses menganalisis ayat.

Guru membimbing murid untuk menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(6) Kini, semakin masyhur dan gemilang Malaysia kerana melestarikan keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa.
Subjek	Malaysia
Predikat	kini semakin masyhur dan gemilang kerana melestarikan keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa
Pola Ayat	FN+FA
Susunan Ayat	Songsang
Tukarkan susunan (Biasa)	Malaysia kini semakin masyhur dan gemilang kerana melestarikan keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa.
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif/ Tidak Berkenaan)	Tidak Berkenaan
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	Tidak Berkenaan
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat Majmuk Campuran (kata hubung gabungan - dan & kata hubung pancangan keterangan - kerana)
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Malaysia kini semakin masyhur. Malaysia kini semakin gemilang. Malaysia melestarikan keharmonian kaum pada peringkat antarabangsa.
Jenis Ayat	Ayat penyata

Latihan Pengisian Kit Analisis Sintaksis




Analisis **setiap** ayat dalam petikan di bawah dengan menggunakan Kit Analisis Sintaksis. Gunakan templat kosong Kit Analisis Sintaksis. **Satu templat digunakan untuk satu ayat.**

(1) Peranan untuk memupuk minat tentang bidang inovasi dalam kalangan murid harus dimainkan oleh pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah, ibu bapa, institusi dan industri. Sebagai contoh, (2) kurikulum yang disediakan oleh KPM pada peringkat sekolah rendah amat sesuai bagi melahirkan murid inovatif, iaitu melalui mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi (RBT). (3) Kurikulum yang terdapat dalam mata pelajaran RBT digubal oleh KPM dengan memberikan penekanan pada standard pembelajaran yang perlu diketahui, difahami dan dikuasai oleh murid sekolah rendah. (4) Murid-murid turut mempelajari berbagai-bagai cabang ilmu dan kemahiran bersifat teknikal malah sains rumah tangga. (5) Oleh sebab itu, KPM sepatutnya mengambil berat tentang masa depan anak watan dengan menitikberatkan pendidikan yang holistik.

Ayat asal dalam petikan	
Subjek	
Predikat	
Pola Ayat	
Susunan Ayat	
Tukarkan susunan (Songsang)	
Ragam Ayat (jika berkenaan) (Aktif / Pasif / Tidak Berkenaan)	
Tukar Ragam (jika berkenaan) (Aktif / Pasif)	
Binaan Tunggal/Majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	
Jenis Ayat	

PENYUNTINGAN

Teknik ini menjadi panduan untuk membantu guru mengajar murid-murid mengenal pasti **empat jenis kesalahan**, iaitu **kesalahan kata atau istilah**, **kesalahan ejaan**, **kesalahan frasa** (pelbagai bentuk) dan **kesalahan imbuhan**.



	Aspek	Salah	Betul
Kata K	Kesalahan penggunaan kata atau istilah khusus mengikut konteks penggunaan	mengukus air - Baginda bertolak ke Melaka	menjerang air - Baginda berangkat ke Melaka
Ejaan E	- Ejaan kata pinjaman - Ejaan kata majmuk (rapat/ pisah) - Ejaan kata majmuk berimbuhan - Ejaan kata ganda berimbuhan - Ejaan akronim - Ejaan kata ganda (ada tanda “-”) / rangkai kata (tanpa tanda “-”) - Ejaan kata nama - Ejaan imbuhan pinjaman	- ajen - jalanraya - pengambil-alihan - mengucar-kacirkan - PUSRAWI - gotong royong - sanak-saudara - bahulu - pra-sekolah - proAmerika	- agen - jalan raya - pengambilalihan - mengucar-ngacirkan - Pusrawi - gotong-royong - sanak saudara - baulu - prasekolah - pro-Amerika
Frasa F	- Frasa nama - Frasa adjektif - Frasa kerja - Frasa sendi nama - Bentuk jamak - Bentuk lewah - Hukum DM - Kesalahan bentuk pasif - Penggandaan kata majmuk	- antalogi cerpen-cerpen - paling tercantik - mengajarkan tentang ilmu agama - balik kampung - di dalam mesyuarat - pelbagai kuih-muih - selalu menggaru-garu - membuat jeruk limau - Pokok itu mereka tanam. - Surat itu ditulis oleh saya. - Menteri Besar-Menteri Besar	- antalogi cerpen - paling cantik - mengajarkan ilmu agama - balik ke kampung - dalam mesyuarat - kuih-muih - selalu menggaru - membuat limau jeruk - Pokok itu ditanam oleh mereka. - Surat itu saya tulis. - Menteri-menteri Besar
Imbuhan I	- Tidak diberi imbuhan - Diberi imbuhan yang salah	- Ali buang sampah. - memperbesarkan - mengkhasikan - perlanggaran disiplin	- Ali membuang sampah. - memperbesar - mengekhasikan - pelanggaran disiplin

Aktiviti Penyuntingan

*Petikan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

(1) Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyatakan yang usaha penanaman pohon bakau hendaklah dikekalkan malah dipergiatkan terutamanya di persisiran pantai negeri Perlis.


(2) Selain membanteras hakisan pantai, penanaman pokok bakau juga penting untuk menjaga kemantapan eko-sistem.

(3) “Pokok bakau berperanan untuk membekalkan nutrein kepada tumbuhan dan menjadi sumber makanan kepada kehidupan akuatik. (4) Keistimewaan ini menjadikan kawasan hutan bakau sebagai aset penting kepada para nelayan-nelayan, khususnya di Perlis,” titah baginda.

(5) Menurut Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan PERHILITAN, purata sampah-sarap yang pihak yang tidak bertanggungjawab buang semakin meningkat. (6) Oleh itu, usaha-usaha perlestarian hutan bakau memerlukan kerja sama agar titik peluh setiap lapisan masyarakat akhirnya membuahkan hasil.


Lengkapkan jadual di bawah.

[illegible]

[illegible]

BAHASA MELAYU STANDARD

Teknik KeM TuGu



Teknik ini membantu guru untuk mengalihkan bahasa Melayu klasik ke dalam bahasa Melayu standard dengan mudahnya.

Kekal	Kekalkan bilangan ayat, bilangan perenggan, bentuk ayat (contoh: cakap ajuk dikekalkan), ragam ayat (ayat aktif/ ayat pasif), susunan ayat (biasa/ songsang), bahasa istana, kata ganti nama diri yang masih digunakan dalam bahasa Melayu standard, nama watak, tempat, peralatan.
Murni	Murnikan jalan bahasa klasik yang menyalahi tatabahasa bahasa Melayu standard (contohnya: berikan imbuhan, bina ayat yang gramatis dan sebagainya).
Tukar	Tukar kosa kata klasik kepada kosa kata moden (contoh: kepetangan= licik/ cerdik, mustaid= siap, manira= saya/ hamba).
Gugur	Kata pangkal ayat tertentu yang TIDAK membawa makna khusus. Contohnya, 'Adapun', 'Maka', 'Hatta', 'Arakian', partikel -lah yang tiada makna signifikan, kata 'pun' dan lain-lain.

TEKNIK:

KeM TuGu

- * Bilangan Ayat
- * Bentuk Ayat (contoh: bentuk ayat dikekalkan)
- * Bahasa Istana
- * Watak/Peralatan /Tempat
- * Susunan Ayat (Biasa/Songsang)
- * Ragam Ayat (Ayat Aktif/Pasif)
- * Kata Ganti Nama Diri



TEKNIK:

KeM TuGu

- * Murnikan jalan bahasa klasik yang menyalahi tatabahasa Melayu Standard
- * Contohnya: Berikan imbuhan, bina ayat yang gramatis dan sebagainya



TEKNIK:

KeM TuGu

- * Tukar kosa kata klasik kepada kosa kata moden
- * Contohnya:
 - kepetangan-licik/pandai/handal
 - mustaid-siap
 - manira-saya/hamba



TEKNIK:

KeM TuGu

- * Kata pangkal ayat tertentu yang TIDAK membawa makna khusus
- * Contohnya: "Adapun", Maka, Hatta, Arakian, partikel -lah yang tiada makna signifikan; kata "pun" dll



Contoh Penggunaan

1. Mulakan proses dengan **Gu** (Gugur) dengan memotong perkataan yang tidak diperlukan.
2. Seterusnya, garisi perkataan yang perlu dikekalkan (**Ke**).
3. Jalankan proses **Tu** (Tukar) dengan membulatkan perkataan klasik dan tulis perkataannya dalam Bahasa Melayu Standard.
4. Bubuh kurungan pada bahagian yang perlu dimurnikan (**M**).
5. Tulis keseluruhan petikan semula dalam Bahasa Melayu Standard.

Urutan Proses: Gu → Ke → Tu → M

Petikan contoh:

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

Dipetik daripada Kepimpinan
Melalui Teladan,
Antologi *Jaket Kulit Kijang*
dari *Istanbul*,
Kementerian Pendidikan
Malaysia.

BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya.	Seterusnya, ibunya menceritakan semua perkara dari awal hingga akhir kepada anaknya.
Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya.	Setelah Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu, lalu Kertala Sari sangat marah.
Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku!	Cis, Ratu Melaka dan Laksamana! Matilah engkau di tanganku !
Tanpa kedep tembung laku.	Tanpa belas kasihan.
Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan.	Kemudian, negeri Melaka habis kumusnahkan.
Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.	Jika aku tidak berbuat begitu, aku bukan anak askar yang berani dan licik.

Contoh Penggunaan

1. Mulakan proses dengan **Gu** (Gugur) dengan memotong perkataan yang tidak diperlukan.
2. Seterusnya, garisi perkataan yang perlu dikekalkan (**Ke**).
3. Jalankan proses **Tu** (Tukar) dengan membulatkan perkataan klasik dan tulis perkataannya dalam Bahasa Melayu Standard.
4. Bubuh kurungan pada bahagian yang perlu dimurnikan (**M**).
5. Tulis keseluruhan petikan semula dalam Bahasa Melayu Standard.

Urutan Proses: Gu → Ke → Tu → M

Petikan contoh:

Adapun akan Tun Kudu itu diperisterikan Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja. Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan kening sudah bertemu?”

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada,
Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Adapun akan Tun Kudu itu diperisterikan Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit.	Tun Kudu dijadikan isteri Duli Yang Dipertuan, terlalu cantik rupanya tetapi matanya juling sedikit.
Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.	Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja itu, maka pada masa itu juga Tun Kudu diceraikan oleh baginda, dihantar ke rumah Paduka Raja, diberi belanja dan disuruh hadir untuk berkahwin dengan Seri Nara Diraja.
Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan kening sudah bertemu?”	Kemudian semua anak buah Seri Nara Diraja berkata, “Bagaimanakah datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata serta kening sudah bertemu?”

**PERIBAHASA BUKU TEKS
BAHASA MELAYU TINGKATAN 4**



Tema 1: Merialisasikan Impian

Peribahasa	Maksud
Belayar sambil memapan (hal.7)	Melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus.
Hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai (hal.9)	Sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara, belajarliah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut.
Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun, sudah hendak berumah tangga (hal.10)	Belum cukup umur sudah hendak beristeri.



Tema 2: Insan Terdidik, Negara Sejahtera

Peribahasa	Maksud
Zaman Tuk Nadur berkajang kain (hal.21)	Suatu masa atau zaman yang telah lalu; Suatu atau zaman yang telah lama sekali berlalu.



Tema 3: Memetik Bintang

Peribahasa	Maksud
Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang (hal.37)	Tidak akan tercapai maksudnya kalau tidak mahu berusaha dan bersusah payah.



Tema 4: Menjulung Harapan di Bumi Bertuah

Peribahasa	Maksud
Bertangguh itu pencuri masa (hal.49)	Melakukan sesuatu kerja secara bertangguh akan merugikan diri sendiri.




Tema 6: Dunia Pelancongan

Peribahasa	Maksud
Hujan halau mentua (hal.74)	Hujan sebentar sahaja
Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa (hal.74)	Pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja.
Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai (hal.74)	Sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya.
Takkan lari gunung dikejar (hal.75)	Tidak perlu bergopoh-gapah mengerjakan sesuatu yang sudah tentu.
Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri (hal.77 dan 84)	Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.
Jauhari sahaja yang mengenal manikam (hal.77)	Orang yang bijaksana juga yang mengetahui keelokan ilmu.
Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang (hal.82)	Perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa.
Kera mendapat bunga (hal.82)	Seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain.
Sambil menyelam minum air (hal .83)	Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai.




Tema 7: Demi Kedamaian

Peribahasa	Maksud
Sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga (hal.88)	Sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya.
Bagai itik mendapat air (hal.90)	Kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai.
Kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah (hal.90)	Tentu ada sebabnya, maka terjadi sesuatu hal.
Air tenang jangan disangka tiada buaya (hal.90)	Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut.
Anak buah (hal.98)	Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga/ orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan/ pekerja di bawah jagaan kita.
Seperti telur di hujung tanduk	Dalam keadaan bahaya atau serba sulit.
Sambil menyelam minum air (hal.99)	Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai.



Tema 8: Dalam Lipatan Kenangan

Peribahasa	Maksud
Pisang tidak berbuah dua kali (hal.106)	Sekali merugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati
Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan (hal.106 dan 107)	Contohi sesuatu yang baik tetapi jauhi sesuatu yang buruk.
Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan (hal.106)	Jika kita terlanjur ketika melakukan sesuatu perbuatan, eloklah kita menginsafi kesilapan tersebut segera.
Mata air (hal.112)	Orang kesayangan, kekasih.
Jalan tengah (hal.113)	Mengambil keputusan yang tidak berat sebelah.



Tema 9: Sayangi Malaysiaku

Peribahasa	Maksud
Tanah air (hal.117)	Negeri tempat seseorang dilahirkan.
Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	Sama-sama bertanggungjawab.
Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	Bersatu padu dalam segala hal.
Mulut biar manis, hati biar baik (hal.121)	Orang yang mulutnya manis mestilah baik juga hatinya.
Adat pulau limburan pasang (hal.121)	Kehidupan manusia hendaklah bantu-membantu, yang kaya membantu yang miskin dan yang berilmu membantu yang bodoh, yang berkuasa melindungi yang lemah.



Tema 10: Bangsa Bugar, Sastra Kekar

Peribahasa	Maksud
Harga diri (hal.133)	Maruah
Membuang muka (hal.141)	Berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang lain yang tidak disukai.




Tema 11: Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa

Peribahasa	Maksud
Ke mana perginya layang-layang, talinya ada pada kita (hal.150)	Orang yang berhutang itu tidaklah dapat melarikan diri.
Di mana ada gula, di situ ada semut (hal.157)	Apabila sesuatu tempat itu mudah mendapat kesenangan atau kemewahan di situlah ramai orang berkumpul.
Cermat masa banyak, jimat masa sedikit (hal.157)	Selalu berhati-hati dalam membelanjakan atau menggunakan sesuatu.
Besar periuk, besarlah keraknya (hal.157)	Kalau pendapatan besar, perbelanjaan pun besar.
Condong ditumpil, lemah dianduh (hal.157)	Orang yang dalam kesusahan wang (akal dan lain-lain) diberi pertolongan.

Tema 12: Asli dan Kontemporari

Peribahasa	Maksud
Air tangan (hal.166)	Masakan seseorang



Tema 13: Segalanya Bermula di Sini

Peribahasa	Maksud
Membuka mata/buka mata (hal.180)	(i) Melihat dan meluaskan pandangan (ii) Menyedarkan dan menginsafkan orang lain



Tema 14: Sihat dan Bersih Pilihanku

Peribahasa	Maksud
Panas baran (hal.198)	Cepat marah
Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa (hal.199)	Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain



Tema 15: Angin Perubahan Membadai

Peribahasa	Maksud
Ambil kira (hal.207)	Mempertimbangkan



Tema 16: Dipimpin untuk Memimpin

Peribahasa	Maksud
Malang tidak berbau (hal.220)	Keadaan yang tidak dapat diketahui sebabnya.
Anak buah (hal.224)	Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / pekerja di bawah jagaan kita.
Anak bongsu (hal.224)	Anak yang paling muda dalam keluarga.
Alah membeli, menang mcmakai (hal.232)	Walaupun terasa berat membeli sesuatu barang yang mahal harganya tetapi barang itu bermutu dan tahan lama
Membaca jambatan ilmu (hal.232)	Amalan membaca dapat membantu kita menambahkan pengetahuan.
Biar putih tulang jangan putih mata (hal.232)	Lebih baik mati daripada tidak dapat apa-apa yang diidamkan.
Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa/ berkata pelihara lidah (hal.232)	Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain.
Yang lama dikelek, yang baharu didukung (hal.232)	Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu.
Belakang parang kalau diasah lagikan tajam (hal.232)	Biar bodoh sekalipun, kalau belajar nescaya akan pandai juga/ orang yang bodoh kalau diajar betul-betul, pandai juga sudahnya.
Duit saku/ wang saku (hal.252)	Wang perbelanjaan peribadi.
Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi (hal.252)	Mendapat apa-apa yang diinginkan.
Belayar sambil memapan, merapat sambil belayar (hal.254)	Sekali melakukan kerja. dua kali maksud tercapai.



Tema 1: Anda Bersih, Anda Sehat

Peribahasa	Maksud
Belukar sudah menjadi rimba (hal. 9)	Kesalahan yang tidak dapat dibaiki lagi.



Tema 2: Sukan dan Rekreasi

Peribahasa	Maksud
Malang tak berbau (hal. 17)	Kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya.



Tema 3: Kerjaya Meniti Jaya

Peribahasa	Maksud
Duit tepi (hal. 32)— <i>bp</i> bahasa percakapan	Pendapatan sampingan atau wang tambahan.



Tema 4: Bersatu Kita Teguh

Peribahasa	Maksud
Duduk sama rendah berdiri sama tinggi (hal. 46)	Orang yang sama darjat.



Tema 5: Pendidikan untuk Semua

Peribahasa	Maksud
Masa itu umpama emas / masa itu emas (hal. 61)	Masa itu sangat berharga.
Sudah terhantuk baru tengadah (hal. 68)	Sesudah mendapat kesusahan baru hendak beringat-ingat.
Ingat sebelum kena jimat sebelum habis	Selalu berhati-hati supaya tidak tertipu atau kehabisan harta.
Nasi sudah menjadi bubur	Sudah terlanjur, tidak dapat diubah lagi.
Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna	Sebelum mengerjakan atau melakukan sesuatu hendaklah difikir habis-habis/ fikir masak-masak sebelum berbuat sesuatu supaya jangan menyesal.



Tema 8: Melancong Mencari Makna

Peribahasa	Maksud
Sediakan payung sebelum hujan (hal. 106)	Berwaspada sebelum ditimpa kesusahan
Gading mana yang tidak retak/ tak ada gading yang tak retak	Tidak ada sesuatu yang betul-betul sempurna.
Bumi mana yang tidak ditimpa hujan (hal. 107)	Setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan.



Tema 9: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Peribahasa	Maksud
Gulung tikar (hal. 120)	Muflis



Tema 11: Dunia Selamat Milik Kita

Peribahasa	Maksud
Anak buah (hal.144)	Pekerja di bawah jagaan kita.
Bersekutu Bertambah Mutu (hal. 144)	Bekerjasama antara satu sama lain akan menghasilkan kecemerlangan
Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuik	Sama-sama bertanggungjawab.
Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain menerima akibatnya.
Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung	Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya.
Bertakuk ditebang, yang bergaris dipahat	Mengikut peraturan (adat, resam) yang lazim



Tema 12: Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Peribahasa	Maksud
Air tangan (hal. 157)	Masakan seseorang
Adat dikelek, hukum dijunjung (hal.160)	Adat dikuatkuasakan dan undang-undang ditegakkan.
Tak lapuk di hujan, tak lekang dipanas (hal.160)	Adat yang tidak berubah, sesuatu yang sudah utuh.
Dicabut layu, diubah mati	Tidak dapat diubah lagi (keputusan)
Disuruh pergi, dipanggil datang	Perihal seseorang yang patuh menurut perintah.
Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung (hal. 161)	Tiap-tiap perbuatan ada peraturannya, tiap-tiap negeri mempunyai kebiasaannya.
Langkah bendul	Adik berkahwin lebih dahulu dari kakaknya



Tema 13: Jati Diri Warganegara Patriotik

Peribahasa	Maksud
Jong pecah yu yang kenyang. (hal. 173)	Jika ada kerusuhan tentu ada orang yang mendapat keuntungan daripada kerusuhan itu; kerugian bagi seseorang, keuntungan bagi orang yang lain.



Tema 14: Citra Bahasa dan Sastera Kita

Peribahasa	Maksud
Bahasa ibunda (hal. 182)	Bahasa yang dituturkan oleh sesuatu kaum.
Celik huruf (hal. 185)	Orang yang tahu membaca dan menulis.
Membaca membuka minda (hal. 186)	Membaca memudahkan kita berfikir.
Ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk (hal. 188)	Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat makin merendah diri.
Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung, ikutlah resmi penyu, bertelur seribu tak siapa tahu/ penyu bertelur beratus-ratus senyap, ayam bertelur sebiji riuh sekampung.	Orang yang berusaha dalam senyap beroleh banyak hasil berbanding yang sedikit diperoleh tetapi diheboh-hebohkan.
Melentur buluh biarlah daripada rebungunya (hal. 189)	Mendidik anak-anak biarlah ketika anak itu masih kecil.
Nama pena (hal. 190)	Nama yang digunakan oleh penulis pada karyanya.
Bahasa Menunjukkan Bangsa (hal. 191)	Bahasa ialah ciri pengenalan atau identiti bangsa.



Tema 15: Industri Cemerlang Negara Gemilang

Peribahasa	Maksud
Bak cendawan tumbuh selepas hujan (hal. 198)	Terlalu banyak pada sesuatu masa.
Daripada segenggam, jadi segantang (hal. 205)	Bernasib baik.
Di mana air bertakung, di situ ikan berkampung	Di mana-mana tempat berpeluang mencari rezeki orang akan bertumpu.
Senduk besar tak mengenyang	Janji sahaja yang banyak dibuat tetapi tidak ditepati.
Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	Orang yang sama sedarjat.



Tema 16: Integriti

Peribahasa	Maksud
Hutang budi/ berhutang budi (hal. 208)	Kebaikan yang diperoleh dan wajar dibalas.
Membalas budi	Balas jasa dan berterima kasih.
Kurang ajar (hal. 209)	Tidak bersopan, kurang adab, biadab.
Orang tua	Ibu bapa.
Buah tangan (hal. 210)	Barang yang dibawa sebagai hadiah/ hasil pekerjaan.
Darah daging (hal. 212)	Anak dan saudara-mara dari keturunan sendiri.
Ketam mengajar anaknya berjalan betul	Orang yang hanya tahu memberi nasihat tetapi dia sendiri tidak melakukan sedemikian.
Baik hati (hal. 217)	Bersikap baik dan penyayang (suka menolong)
Bukit sama didaki, lurah sama dituruni (hal. 221)	Sepakat (seia sekata)
Malang tidak berbau	Kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya.
Anak ayam kehilangan ibu	Kesusahan yang dialami oleh seseorang apabila dirinya kehilangan tempat bergantung



BAHAGIAN B

PEMAHAMAN

TIP MAHIR PEMAHAMAN

PEMAHAMAN BAHAGIAN B

SOALAN 6 DAN 7



Soalan 1 ➡ PaTaf

Padananan @ **Ta**fsiran



Soalan 2 ➡ PinTu

Pindah + **Tu**lis



Soalan 3 ➡ TuSI

Tugasan + **Si**ubjek + **I**si



Soalan 4 ➡ SiTin

Siapa + **Ti**ndakan

TEKNIK SiTin (Soalan iv)

Siapa? (PERANAN)

- Sebagai jiran yang prihatin
- Sebagai sahabat yang baik
- Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab
- Sebagai anggota masyarakat yang prihatin
- Sebagai seorang rakan
- Sebagai penduduk yang prihatin

Tindakan
(Saya akan/dapat...)

- menasihati/menegur
- meminta
- menunjukkan
- menemani/mengajak/membawa
- membantu
- menghadiri
- melaporkan/membuat aduan
- memberikan
- mengesyorkan/mencadangkan/menyarankan
- berkongsi




PEMAHAMAN PETIKAN UMUM

PEMAHAMAN PETIKAN UMUM


Langkah 1 : Murid diminta menggunakan teknik bacaan **QUACK** untuk membaca Bahan 1.

Teknik ini menggalakkan pembacaan secara aktif kepada teks yang berbentuk fakta, membuat pertimbangan terhadap maklumat, dan menandakan maklumat yang tertentu.



Langkah 2 : Murid diminta menggunakan teknik bacaan **ACID** untuk membaca Bahan 2.

Teknik ini menggalakkan pembaca membaca teks secara aktif. Interaksi dan fokus pembaca terhadap teks dikekalkan kerana pembaca perlu membuat pertimbangan tentang bentuk dan maklumat yang dibaca.




Langkah 1 : Murid diminta menggunakan teknik bacaan **QUACK** untuk membaca Bahan1.

Bahan 1

Jurusolek kesan khas (**K**) memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa. (*) Contohnya, latar belakang pendidikan dalam bidang kosmetologi sama ada pada peringkat sijil ataupun diploma daripada institusi pendidikan seperti kolej vokasional, kolej komuniti, ataupun institusi pendidikan swasta yang menawarkan bidang tersebut. Jurusolek kesan khas (**K**) memerlukan pendidikan dalam penghasilan bahan seperti getah dan darah palsu yang akan digunakan untuk membuat prostetik. (*) Masa hadapan kerjaya dalam bidang ini amatlah luas kerana khidmat jurusolek kesan khas ini amat diperlukan dalam industri perfileman, khususnya filem seram ataupun fiksyen sains, dan pementasan teater. Oleh itu, jurusolek kesan khas perlulah meningkatkan kepakaran mereka di samping cakna akan perkembangan terkini dunia persolekan agar mereka menjadi lebih serba boleh. (?) Selain itu, kualiti perkhidmatan jurusolek kesan khas juga harus ditingkatkan selaras dengan trend dan perkembangan semasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 5 ,
Dewan Bahasa dan Pustaka

SOLEKAN UBAH WAJAH



Langkah 2 : Murid diminta menggunakan teknik bacaan **ACID** untuk membaca Bahan 2.


Bahan 2

Kerjaya sebagai pembaca berita mungkin kelihatan mudah pada pandangan mata seseorang individu. Kebanyakan orang menganggap bahawa pembaca berita sebagai satu kerjaya yang glamor dan pada masa yang sama boleh mendatangkan populariti. Sesetengah individu pula berpendapat bahawa pembaca berita cuma perlu membaca teks di depan skrin. Hakikatnya, anggapan ini tidak benar. Pembaca berita bukanlah hanya membaca informasi yang diberikan kepada mereka semata-mata. Tugas mereka lebih mencabar daripada itu. Kerjaya ini sebenarnya memerlukan individu itu untuk bermain dengan emosi. Dalam hal ini, seseorang itu perlulah mendalami kerjaya sebagai seorang pembaca berita. Tamsilnya, pembaca berita terkenal di Malaysia, Farit Ismeth Emir dan Harjit Singh Hullon telah berkongsi pengalaman mereka sepanjang menggalas tugas ini. Selain itu, mereka sependapat bahawa seseorang pembaca berita perlu peka dengan setiap sebutan. Menurut Harjit Singh Hullon pula, beliau meletakkan minat dan tanggungjawab sebagai pembaca berita pada kedudukan teratas.

Dipetik dan diubah suai daripada

<https://www.maukerja.my>

KERJAYA PEMBACA BERITA



TEMA: KERJAYA

TEKNIK BACAAN: QUACK DAN ACID

Bahan 1

Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa. Contohnya, latar belakang pendidikan dalam bidang kosmetologi sama ada pada peringkat sijil ataupun diploma daripada institusi pendidikan seperti kolej vokasional, kolej komuniti, ataupun institusi pendidikan swasta yang menawarkan bidang tersebut. Jurusolek kesan khas memerlukan pendidikan dalam penghasilan bahan seperti getah dan darah palsu yang akan digunakan untuk membuat prostetik. Masa hadapan kerjaya dalam bidang ini amatlah luas kerana khidmat jurusolek kesan khas ini amat diperlukan dalam industri perfileman, khususnya filem seram ataupun fiksyen sains, dan pementasan teater. Oleh itu, jurusolek kesan khas perlulah *meningkatkan kepakaran* mereka di samping cakna akan perkembangan terkini dunia persolekan agar mereka menjadi lebih serba boleh. Selain itu, kualiti perkhidmatan jurusolek kesan khas juga harus ditingkatkan selaras dengan trend dan perkembangan semasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 5 ,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Kerjaya sebagai pembaca berita mungkin kelihatan mudah pada pandangan mata seseorang individu. Kebanyakan orang menganggap bahawa pembaca berita sebagai satu kerjaya yang glamor dan pada masa yang sama boleh mendatangkan populariti. Sesetengah individu pula berpendapat bahawa pembaca berita cuma perlu membaca teks di depan skrin. Hakikatnya, anggapan ini tidak benar. Pembaca berita bukanlah hanya membaca informasi yang diberikan kepada mereka semata-mata. Tugas mereka lebih mencabar daripada itu. Kerjaya ini sebenarnya memerlukan individu itu untuk bermain dengan emosi. Dalam hal ini, seseorang itu perlulah mendalami kerjaya sebagai seorang pembaca berita. Tamsilnya, pembaca berita terkenal di Malaysia, Farit Ismeth Emir dan Harjit Singh Hullon telah berkongsi pengalaman mereka sepanjang menggalas tugas ini. Selain itu, mereka sependapat bahawa seseorang pembaca berita perlu peka dengan setiap sebutan. Menurut Harjit Singh Hullon pula, beliau meletakkan minat dan tanggungjawab sebagai pembaca berita pada kedudukan teratas.

Dipetik dan diubah suai daripada:
<https://www.maukerja.my>

Tingkatan 4

SK 2.2	Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata, istilah, serta ungkapan dan ayat dalam pelbagai bahan.
SP 2.2.1	Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer.

Soalan 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *meningkatkan kepakaran*.

meningkatkan	kepakaran
menambahkan	pengetahuan/kemahiran



Cadangan jawapan lengkap

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, meningkatkan kepakaran bermaksud menambahkan kemahiran.

Tingkatan 5

SK 2.2	Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata, istilah, serta ungkapan dan ayat dalam pelbagai bahan.
SP 2.2.1	Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan.

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan ciri-ciri kerjaya jurusolek kesan khas dan pembaca berita.



Cadangan jawapan daripada petikan	
Bahan 1	Bahan 2
- Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa. - Jurusolek kesan khas juga memerlukan pendidikan dalam penghasilan bahan seperti getah dan darah palsu yang akan digunakan untuk membuat prostetik.	- Pembaca berita bukanlah hanya membaca informasi yang diberikan kepada mereka semata-mata. - Kerjaya ini sebenarnya memerlukan individu itu untuk bermain dengan emosi. - Seseorang pembaca berita perlu peka dengan setiap sebutan.

Cadangan jawapan lengkap

Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, perbezaan ciri-ciri kerjaya jurusolek kesan khas dan pembaca berita ialah jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa manakala kerjaya sebagai pembaca berita pula perlu bermain dengan emosi.

Tingkatan 4

SK 2.3	Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan
SP 2.3.1	Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat.

- (iii) Pemilihan kerjaya yang tepat akan mempengaruhi corak kehidupan seseorang itu. Oleh hal yang demikian, memilih kerjaya bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh.

Pada pendapat anda, apakah faktor seseorang itu sukar mendapat kerjaya yang diidamkan?



Cadangan jawapan

- tidak mempunyai kelayakan akademik
- tidak berminat dengan kerjaya tersebut
- tawaran gaji yang terlalu rendah
- persekitaran kerja yang tidak kondusif
- tidak mendapat sokongan daripada keluarga
- tuntutan ekonomi semasa

Cadangan jawapan lengkap

Pada pendapat saya, faktor seseorang itu sukar mendapat kerjaya yang diidamkan ialah seseorang itu tidak mempunyai kelayakan akademik yang sesuai dengan kerjaya tersebut. Selain itu, seseorang itu tidak berminat dengan kerjaya tersebut. Di samping itu, seseorang itu tidak mendapat sokongan daripada keluarga untuk kerjaya pilihannya.

Tingkatan 5

SK 2.3.	Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan
SP 2.3.2	Membaca untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah daripada pelbagai bahan menggunakan teknik bacaan yang sesuai

(iv) Hasfariza amat meminati kerjaya dalam bidang kedoktoran. Selain itu, dia juga meminati bidang keusahawanan dan teknologi maklumat. Dia berbelah bahagi untuk membuat pilihan kerjaya.

Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda dapat membantunya untuk menyelesaikan masalah tersebut?



Cadangan jawapan

Saya akan :

- membantu rakan untuk mengenal pasti bakat dan kecenderungan dalam diri / sokongan daripada rakan-rakan
- membawa rakan untuk berjumpa dengan guru bimbingan dan kaunseling/ kaunselor/ guru kelas
- mendapatkan sokongan daripada ahli keluarga
- membawa rakan ke pameran kerjaya / mendapatkan risalah kerjaya impian
- berjumpa/ merujuk individu yang terlibat dengan kerjaya impian

Cadangan jawapan lengkap

Sebagai seorang rakan, cara saya membantunya untuk menyelesaikan masalah tersebut ialah saya akan membantu rakan untuk mengenal pasti bakat dan kecenderungan dalam dirinya untuk memilih kerjaya. Selain itu, saya akan membawa rakan untuk berjumpa dengan guru bimbingan dan kaunseling untuk memilih kerjaya. Di samping itu, saya akan membawa rakan ke pameran kerjaya.




PEMAHAMAN SASTERA

Membaca dengan menggunakan teknik REAP

Arahan : Baca Bahan 1 dan Bahan 2

TEKNIK BACAAN REAP

Teknik ini bertujuan meningkatkan kemahiran meringkaskan pembacaan dengan membantu pembaca mentafsirkan idea pengarang dengan menggunakan perkataan sendiri. Teknik ini juga membantu membina kemahiran menulis untuk membantu mengingat idea daripada pembacaan.



Bahan 1

Hakim perlu membina sebuah reban tertutup. Dia memulakan segala kerja, menebang pokok dan meratakan tanah, berlori-lori tanah telah diangkut untuk menambak kawasan yang memang rendah dan berair itu. Wang simpanannya hampir habis di situ.

Kos pembinaan sebuah reban ayam tertutup dengan sistem penyaman udara dan peralatan memberikan makanan semiautomatik melebihi dua ratus ribu ringgit. Hakim sudah beberapa kali turun naik tangga bank untuk berbincang tentang pinjaman projek pertanian. Kertas kerja sudah beberapa kali dipinda sehingga akhirnya pinjaman diluluskan. Pinjaman sebanyak itu memerlukan cagaran dan dia tidak ada harta yang lain selain tanah Pak Kaduk yang baru ditebusnya dengan susah payah. Mujurlah seorang Yang Berhormat sanggup campur tangan dan memujuk pihak bank untuk meluluskan pinjamannya. Dengan pertolongan itu terbinalah sebuah reban ayam yang boleh memuatkan sepuluh ribu ekor ayam.


Dipetik daripada cerpen Kaduk, Ayam dan Raja
oleh Zurinah Hassan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Membaca dengan menggunakan teknik REAP

Arahan : Baca Bahan 1 dan Bahan 2

TEKNIK BACAAN REAP

Teknik ini bertujuan meningkatkan kemahiran meringkaskan pembacaan dengan membantu pembaca mentafsirkan idea pengarang dengan menggunakan perkataan sendiri. Teknik ini juga membantu membina kemahiran menulis untuk membantu mengingat idea daripada pembacaan.



Membaca dan memahami teks yang dibaca

R **Read (Baca)**
Membaca dan memahami teks yang dibaca

Bahan 2



Penternak Moden

Teguh di sisi pohon yang indah,
Bunga melati gugur ke bumi;
Waktu ini terbukti sudah,
Penternakan ayam penjana ekonomi.

Indah jambangan buat hiasan,
Mekar melati buat si dia;
Bina reban seluruh kawasan,
Makanan negara sentiasa tersedia.

Batang ditarah daun dibelah,
Hendak digapai pucuknya rumbia;
Keringat diperah budi terserlah,
Pendapatan bertambah petani bahagia.

Pokok keman sekata tumbuh,
Rumpun keladi bunganya berseri;
Konkrit diguna rebannya kukuh,
Tiang besi dipacak berdiri

Mastura
Gombak, Selangor

Arahan: Jawab soalan pemahaman.

RUJUKAN: Idea Utama
• Ungu – kepentingan

Bahan 2



Penternak Moden

Teguh di sisi pohon yang indah,
Bunga melati gugur ke bumi;
Waktu ini terbukti sudah,
Penternakan ayam penjana ekonomi.

Indah jambangan buat hiasan,
Mekar melati buat si dia;
Bina reban seluruh kawasan,
Makanan negara sentiasa tersedia.

Batang ditarah daun dibelah,
Hendak digapai pucuknya rumbia;
Keringat diperah budi terserlah,
Pendapatan bertambah petani bahagia.

Pokok kewan sekata tumbuh,
Rumpun keladi bunganya berseri;
Konkrit diguna rebannya kukuh,
Tiang besi dipacak berdiri

Mastura
Gombak, Selangor

Soalan 1

Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan penternakan ayam.

Kepentingan penternakan ayam	1.
	2.
	3.

JAWAPAN

Kepentingan penternakan ayam	1. Penternakan ayam penjana ekonomi
	2. Makanan negara sentiasa tersedia
	3. Pendapatan bertambah, petani bahagia

Arahan: Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

RUJUKAN: Idea Utama
• **langkah**

Soalan 2

Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah untuk membina reban ayam tertutup.

Bahan 1

Hakim perlu membina sebuah reban tertutup. **Dia memulakan segala kerja, menebang pokok dan meratakan tanah, berlari-lari tanah telah diangkut untuk menambak kawasan yang memang rendah dan berair itu.** Wang simpanannya hampir habis di situ.

Kos pembinaan sebuah reban ayam tertutup dengan sistem penyaman udara dan peralatan memberikan makanan semiautomatik melebihi dua ratus ribu ringgit. Hakim sudah beberapa kali turun naik tangga bank untuk berbincang tentang pinjaman projek pertanian. Kertas kerja sudah beberapa kali dipinda sehingga akhirnya pinjaman diluluskan. Pinjaman sebanyak itu memerlukan cagaran dan dia tidak ada harta yang lain selain tanah Pak Kaduk yang baru ditebusnya dengan susah payah. Mujurlah seorang Yang Berhormat sanggup campur tangan dan memujuk pihak bank untuk meluluskan pinjamannya. Dengan pertolongan itu terbinalah sebuah reban ayam yang boleh memuatkan sepuluh ribu ekor ayam.

Dipetik daripada cerpen Kaduk, Ayam dan Raja
oleh Zurinah Hassan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Penternak Moden

Teguh di sisi pohon yang indah,
Bunga melati gugur ke bumi;
Waktu ini terbukti sudah,
Penternakan ayam penjana ekonomi.

Indah jambangan buat hiasan,
Mekar melati buat si dia;
Bina reban seluruh kawasan,
Makanan negara sentiasa tersedia.

Batang ditarah daun dibelah,
Hendak digapai pucuknya rumbia;
Keringat diperah budi terserlah,
Pendapatan bertambah petani bahagia.

Pokok keman sekata tumbuh,
Rumpun keladi bunganya berseri;
Konkrit diguna rebannya kukuh,
Tiang besi dipacak berdiri

Mastura
Gombak, Selangor

Teknik Bacaan REAP
(Read-Encode-Annote-Ponder)



Annote (Catat berdasarkan pentafsiran)
Mencatat berasaskan tafsiran daripada pembacaan

Arahan: Jawab soalan pemahaman.

Soalan 2

Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah untuk membina reban ayam tertutup.

Langkah membina reban ayam tertutup	Bahan 1	
Langkah membina reban ayam tertutup	Bahan 2	

JAWAPAN

Langkah membina reban ayam tertutup	Bahan 1	1. menebang pokok
		2. meratakan tanah
		3. menambak kawasan yang memang rendah dan berair
Langkah membina reban ayam tertutup	Bahan 2	1. konkrit diguna rebannya kukuh
		2. tiang besi dipacak berdiri

**Teknik Bacaan REAP
(Read-Encode-Annote-Ponder)**

P

Ponder (Fikirkan)

**Memikirkan sama ada mesej dapat disesuaikan
dengan pengetahuan sedia ada**

Arahan : Jawab soalan KBAT (umum)

Soalan 3

Negara kita memerlukan lebih banyak penternak moden dalam kalangan belia.

Pada pendapat anda, mengapakah golongan belia tidak berminat menceburi bidang ini?

Sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca golongan belia tidak berminat menceburi bidang ini	1.
	2.
	3.
	4.

JAWAPAN

Sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca golongan belia tidak berminat menceburi bidang ini	1. keadaan cuaca yang tidak menentu / panas / hujan
	2. kotor / berpeluh / busuk
	3. pendapatan tidak tetap / rendah / tidak lumayan
	4. risiko bencana alam / penyakit / ancaman haiwan liar

Soalan 4

Bidang pertanian sememangnya mampu menjana pendapatan yang lumayan. Namun begitu, segelintir masyarakat memandang rendah bidang ini.

Selaku seorang pegawai pertanian, cadangkan usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya masyarakat berminat untuk menceburi bidang ini.

Usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya masyarakat berminat untuk menceburi bidang ini.	

JAWAPAN

Usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya masyarakat berminat untuk menceburi bidang ini.	1. menggunakan teknologi / mesin / jentera terkini
	2. merancang strategi pemasaran / promosi /iklan
	3. menghadiri kursus /bengkel kemahiran penternakan
	4. kreatif dan inovatif dalam menghasilkan produk berasaskan penternakan

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan penternakan ayam.



Cadangan jawapan

- penternakan ayam dapat menjana ekonomi
- bekalan makanan negara sentiasa ada
- pendapatan petani bertambah dan bahagia

Cadangan jawapan lengkap

Kepentingan-kepentingan penternakan ayam ialah penternakan ayam dapat menjana ekonomi. Selain itu, bekalan makanan negara sentiasa ada. Seterusnya, pendapatan petani bertambah dan bahagia.

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah untuk membina reban ayam tertutup.



Cadangan jawapan

Bahan 1	Bahan 2
• Dia memulakan segala kerja, menebang pokok • meratakan tanah • berlori-lori tanah telah diangkut untuk menambak kawasan yang memang rendah dan berair itu.	• menggunakan konkrit • memacak tiang besi

Cadangan jawapan lengkap

Langkah-langkah untuk membina reban ayam tertutup dalam **Bahan 1** ialah dia memulakan segala kerja, menebang pokok dan meratakan tanah, berlori-lori tanah telah diangkut untuk menambak kawasan yang memang rendah dan berair itu.

Dalam **Bahan 2** pula, antara langkahnya ialah menggunakan konkrit dan memacak tiang besi.

- (iii) Negara kita memerlukan lebih banyak penternak moden dalam kalangan belia.
Pada pendapat anda, mengapakah golongan belia tidak berminat menceburi bidang ini?

Cadangan jawapan
• keadaan cuaca yang tidak menentu / panas / hujan • kotor / berpeluh / berbau busuk • pendapatan tidak tetap / rendah / tidak lumayan • risiko bencana alam / penyakit / ancaman haiwan liar



Pada pendapat saya, golongan belia tidak berminat menceburi bidang ini kerana golongan belia bimbang akan keadaan cuaca yang tidak menentu menyebabkan mereka tidak berminat menyertai bidang penternakan. Selain itu, golongan belia menganggap bidang penternakan itu kotor dan berbau busuk.

- (iv) Bidang pertanian sememangnya mampu menjana pendapatan yang lumayan. Namun begitu, segelintir masyarakat memandang rendah bidang ini.

Selaku seorang pegawai pertanian, cadangkan usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya masyarakat berminat untuk menceburi bidang ini.



Cadangan jawapan
• menggunakan teknologi / mesin / jentera terkini • merancang strategi pemasaran / promosi / iklan • menghadiri kursus / bengkel kemahiran pertanian • kreatif dan inovatif dalam menghasilkan produk berasaskan pertanian


Cadangan jawapan lengkap

Selaku seorang pegawai pertanian, usaha yang perlu dilakukan supaya masyarakat berminat untuk menceburi bidang ini ialah saya akan menggunakan teknologi terkini untuk meningkatkan hasil pertanian. Selain itu, saya akan merancang strategi pemasaran supaya hasil pertanian dapat dijual. Di samping itu, saya akan menghadiri kursus pertanian untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang ini.

**PEMAHAMAN
NOVEL:
SOALAN 8**


CHATT

Teknik ini digunakan untuk membaca petikan dan mengenal pasti tema/isi/fokus.



CHATT

Teknik ini digunakan untuk membaca petikan dan mengenal pasti tema/isi/fokus.



Teknik Bacaan CHATT

Tingkatan 4	
SK : 2.2	Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata, istilah, serta ungkapan dan ayat dalam pelbagai bahan.
SP : 2.2.1	Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer.

PERENGKAN SATU

Koperal Senin meninggalkan Sarjan Hasan di anjung lalu turun mendapatkan Lans Koperal Bakar di pos pengawal untuk pertukaran tugas. Anggota tentera yang bertugas terus meronda kawasan dengan lebih berhati-hati ketika menjalankan tugas masing-masing.

PERENGKAN DUA

Malam semakin larut namun Leftenan Adnan masih belum mahu melelapkan mata memikirkan keadaan yang dihadapi oleh mereka sekarang. **Amaran yang dikeluarkan tentang kehadiran tentera Jepun meresahkan hatinya.** Tidak timbul rasa takut kerana dia tidak pernah merasai perasaan itu dari mula lagi. **Cuma dia bimbang persediaan mereka menghadapi pihak musuh yang diibaratkan main pukul curi.**

PERENGKAN TIGA

Ternyata mereka amat licik untuk mengelakkan pergerakan mereka daripada diketahui sehinggakan pihak British gagal mengesan mereka. Dalam keadaan itu, dia memikirkan keadaan isteri dan anak-anaknya di kampung. Tanpa mereka, hidupnya terasa sunyi. **Walaupun dia sering berjauhan dengan keluarganya kerana tugas tetapi perpisahan kali ini dia berasa seolah-olah mereka tidak akan bertemu lagi.**

(i) Mengapakah Leftenan Adnan tidak dapat melelapkan matanya?

CHATT I

C*Circle*

melelapkan mata

H*Highlight*

Amaran yang dikeluarkan tentang kehadiran tentera Jepun meresahkan hatinya.

A*Asterisk (*)***T***Transfer*

Pindahkan semua ayat yang berwarna biru.

T*Teacher*

Teknik Bacaan CHATT

Murid menyenaraikan isi berdasarkan teknik bacaan CHATT.

JAWAPAN

Teknik PinTu

1. amaran yang dikeluarkan tentang kehadiran tentera Jepun meresahkan hatinya
2. dia bimbang persediaan mereka menghadapi pihak musuh yang diibaratkan main pukul curi.
3. mereka amat licik untuk mengelakkan pergerakan mereka daripada diketahui sehinggakan pihak British gagal mengesan mereka.
4. dia memikirkan keadaan isteri dan anak-anaknya di kampung.
5. walaupun dia sering berjauhan dengan keluarganya kerana tugas tetapi perpisahan kali ini dia berasa seolah-olah mereka tidak akan bertemu lagi.

JAWAPAN LENGKAP

Teknik PinTu

Leftenan Adnan tidak dapat melelapkan matanya kerana **amaran yang dikeluarkan tentang kehadiran tentera Jepun meresahkan hatinya**. Selain itu, **dia bimbang persediaan mereka menghadapi pihak musuh yang diibaratkan main pukul curi**. Seterusnya, **dia memikirkan keadaan isteri dan anak-anaknya di kampung**.



Peria

Teknik  **Peria** merupakan alat yang digunakan untuk membantu dan memudahkan murid pelbagai aras menulis jawapan novel yang lengkap berdasarkan pembacaan dan pengetahuan mereka.

**Peria**

ialah teknik:

**Peri**

Peristiwa (Peristiwa yang dibaca oleh murid daripada novel Leftenan Adnan Wira Bangsa dan Tirani).

**A**

- ❖ Alasan (Huraian atau sebab berkaitan peristiwa tersebut)
- ❖ Boleh diubah suai bergantung pada kehendak soalan.

TEKNIK

PeriA

LANGKAH PELAKSANAAN TEKNIK

PeriA

1 Cari kata kunci soalan.

Baca soalan dan garisi kata kunci untuk memahami kehendak soalan novel tersebut.

CONTOH SOALAN

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Tirani karya Beb Sabariah

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu peristiwa yang dapat dicontohi** bagi setiap novel.





Kata kunci bagi soalan ini ialah **peristiwa yang dapat dicontohi**.

2 Kenal pasti peristiwa yang sesuai dengan kata kunci soalan.

CADANGAN JAWAPAN: TEKNIK

PeriA

Novel	Peristiwa yang dapat dicontohi
Leftenan Adnan Wira Bangsa 	Peristiwa Pak Saidi yang tidak pernah mengecewakan permintaan anak-anaknya. Walaupun sudah dibuatkan keris kayu, Adnan meminta ayahnya membuat senapang kayu pula dan permintaannya dipenuhi oleh Pak Saidi.
Tirani 	Peristiwa Raidah menasihati Waheeda agar menjaga batas pergaulannya dengan pelanggan-pelanggannya. Hal ini dikatakan demikian kerana Waheeda perlu menjaga hati suaminya, Zahid yang mudah cemburu dengan kemesraannya bersama dengan pelancong.



3



Mengenal pasti alasan yang sesuai dengan peristiwa.

CADANGAN JAWAPAN: TEKNIK


PeriA

Novel	Peristiwa yang dapat dicontohi	Alasan
Leftenan Adnan Wira Bangsa 	Peristiwa Pak Saidi yang tidak pernah mengecewakan permintaan anak-anaknya. Walaupun sudah dibuatkan keris kayu, Adnan meminta ayahnya membuat senapang kayu pula dan permintaannya dipenuhi oleh Pak Saidi.	Sebagai ibu bapa, kita perlulah sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan anak-anak dan menggembirakan mereka.
Tirani 	Peristiwa Raidah menasihati Waheeda agar menjaga batas pergaulannya dengan pelanggan-pelanggannya. Hal ini dikatakan demikian kerana Waheeda perlu menjaga hati suaminya, Zahid yang mudah cemburu dengan kemesraannya bersama dengan pelancong.	Seorang ibu mempunyai tanggungjawab untuk menasihati anak walaupun anaknya telah dewasa.

4



Menulis jawapan lengkap berdasarkan peristiwa yang dapat dicontohi beserta alasan.



Jawapan lengkap

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib dan novel Tirani karya Bebi Sabariah. Terdapat banyak peristiwa yang dapat dicontohi bagi setiap novel.

Peristiwa yang dapat dicontohi dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah **peristiwa Pak Saidi yang tidak pernah mengecewakan permintaan anak-anaknya. Walaupun sudah dibuatkan keris kayu, Adnan meminta ayahnya membuat senapang kayu pula dan permintaannya dipenuhi oleh Pak Saidi.** Peristiwa ini dapat dicontohi kerana **sebagai ibu bapa, kita perlulah sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan anak-anak dan menggembirakan mereka.**

Peristiwa yang dapat dicontohi dalam novel Tirani pula ialah **peristiwa Raidah menasihati Waheeda agar menjaga batas pergaulannya dengan pelanggan-pelanggannya. Hal ini dikatakan demikian kerana Waheeda perlu menjaga hati suaminya, Zahid yang mudah cemburu dengan kemesraannya bersama dengan pelancong.** Peristiwa ini dapat dicontohi kerana **seorang ibu mempunyai tanggungjawab untuk menasihati anak walaupun anaknya telah dewasa.**



RUMUSAN

RUMUSAN

SK 3.5	Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai penulisan dan grafik.
SP 3.5.2	Menulis untuk mengolah maklumat dan menghubungkan kait maklumat daripada pelbagai sumber untuk menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Sektor pelancongan dapat menarik pelancong dari luar negara dan memberikan manfaat kepada ekonomi negara. Sektor pelancongan menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara pada tahun 2019 dengan kehadiran 26.1 juta orang pelancong antarabangsa.

Kerajaan Malaysia mengambil langkah untuk memperkukuh daya saing, pembangunan lestari dan digitalisasi dalam industri pelancongan dengan adanya Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030. Selain itu, pihak kerajaan perlu menganjurkan acara antarabangsa untuk menarik pelancong ke negara kita. Sebagai contohnya, penganjuran Le Tour de Langkawi serta Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA). Sektor pelancongan dapat menjana pendapatan melalui perbelanjaan pelancong, cukai pelancongan, pelaburan pelancongan dan eksport perkhidmatan pelancongan. Lebih-lebih lagi, sektor pelancongan juga membuka peluang pekerjaan dan perniagaan dalam pelbagai bidang seperti bidang penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, hiburan dan lain-lain.

Sektor pelancongan mampu memperkukuh daya saing negara dengan menonjolkan keunikan dan kepelbagaian Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, sektor pelancongan juga dapat menarik pelabur asing yang berminat untuk melabur dalam projek-projek pelancongan yang berpotensi seperti taman tema antarabangsa. Contohnya, di Melaka, masyarakat tempatan dapat menarik minat pelancong dengan menawarkan lawatan ke bangunan bersejarah seperti A Famosa, Stadthuys dan Masjid Kampung Hulu. Sektor pelancongan dapat menjaga dan memelihara alam semula jadi dengan menggalakkan amalan pelancongan lestari yang mengambil kira kesan terhadap persekitaran. Kesimpulannya, sektor pelancongan memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara Malaysia dan rakyat perlu memberikan kerjasama untuk menjayakan sektor pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.melancong.com.my/>

Bahan 2

Cuti-Cuti Malaysia



Pada pendapat Man, apakah usaha yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan?

Pada pendapat saya, pihak kerajaan mengadakan promosi pelancongan secara besar-besaran di media sosial dan media massa. Selain itu, pihak kerajaan juga menambah perkhidmatan pelancongan kesihatan yang lebih efisien.



Bagus cadangan kamu. Pendapat saya pula, pihak berkuasa juga perlu menitikberatkan aspek keselamatan dalam negara untuk menarik pelancong ke negara kita.

Betul tu, saya bersetuju dengan pendapat kamu, Siti.



Bahan 3

Pantun Marilah Melancong

Enaknya manggis tidak terperi,
Dimakan oleh anak ketiga;
Pergilah melancong ke seluruh negeri,
Erat perhubungan dalam keluarga.

Pasar tani pengunjunnya ramai,
Mari membeli pelbagai bahan;
Melancong itu aktiviti damai,
Fikiran tenang hilang kesedihan.

Wan Noor Hidayah
Sekinchan, 2023.



Guru menggunakan teknik bacaan CHATT untuk mengajar murid cara menjawab soalan rumusan mengikut langkah 1 hingga 10.

CHATT

Teknik ini digunakan untuk membaca petikan dan mengenal pasti tema/isi/fokus.

C

Circle

Bulat kata kunci

H

Highlight

Serlahkan atau garisi idea penting.

A

Asterisk ()*

Letakkan tanda *asterisk* (*) pada isi sampingan/sokongan

T

Transfer


Pindahkan maklumat ke dalam borang CHATT

T

Teacher

Guru memberikan rumusan tentang rekod murid dalam borang CHATT

FOKUS RUMUSAN



KATA KUNCI RUMUSAN





Bahan 1

Sektor **pelancongan** merupakan salah satu sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Sektor **pelancongan** dapat menarik pelancong dari luar negara dan memberikan **manfaat** kepada ekonomi negara. Sektor pelancongan menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara pada tahun 2019 dengan kehadiran 26.1 juta orang pelancong antarabangsa.


Kerajaan Malaysia mengambil **langkah** untuk memperkukuh daya saing, pembangunan lestari dan digitalisasi dalam industri pelancongan dengan adanya Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030. **Selain itu**, pihak kerajaan **perlu** menganjurkan acara antarabangsa untuk menarik pelancong ke negara kita. Sebagai contohnya, penganjuran Le Tour de Langkawi serta Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA). Sektor **pelancongan** **dapat** menjana pendapatan melalui perbelanjaan pelancong, cukai pelancongan, pelaburan **pelancongan** dan eksport perkhidmatan pelancongan. **Lebih-lebih lagi**, sektor **pelancongan** **juga** membuka peluang pekerjaan dan perniagaan dalam pelbagai bidang seperti bidang penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, hiburan dan lain-lain.

Sektor **pelancongan** **mampu** memperkukuh daya saing negara dengan menonjolkan keunikan dan kepelbagaian Malaysia sebagai destinasi pelancongan. **Selain itu**, sektor **pelancongan** **juga** **dapat** menarik pelabur asing yang berminat untuk melabur dalam projek-projek pelancongan yang berpotensi seperti taman tema antarabangsa. Contohnya, di Melaka, masyarakat tempatan dapat menarik minat pelancong dengan menawarkan lawatan ke bangunan bersejarah seperti A Famosa, Stadthuys dan Masjid Kampung Hulu. Sektor pelancongan **dapat** menjaga dan memelihara alam semula jadi dengan menggalakkan amalan **pelancongan** lestari yang mengambil kira kesan terhadap persekitaran. Kesimpulannya, sektor pelancongan memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara Malaysia dan rakyat perlu memberikan kerjasama untuk menjayakan sektor pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.melancong.com.my/>


Bahan 2

Cuti-Cuti Malaysia



Pada pendapat Man, apakah usaha yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan?

Pada pendapat saya, pihak kerajaan mengadakan promosi pelancongan secara besar-besaran di media sosial dan media massa. Selain itu, pihak kerajaan juga menambah perkhidmatan pelancongan kesihatan yang lebih efisien.



Bagus cadangan kamu. Pendapat saya pula, pihak berkuasa juga perlu menitikberatkan aspek keselamatan dalam negara untuk menarik pelancong ke negara kita.

Betul tu, saya bersetuju dengan pendapat kamu, Siti.

Bahan 3

Pantun Marilah Melancong

Enaknya manggis tidak terperi,
Dimakan oleh anak ketiga;
Pergilah melancong ke seluruh negeri,
Erat perhubungan dalam keluarga.

Pasar tani pengunjunnya ramai,
Mari membeli pelbagai bahan;
Melancong itu aktiviti damai,
Fikiran tenang hilang kesedihan.

Wan Noor Hidayah
Sekinchan, 2023.

Bahan 1

Fokus I: Manfaat

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. ^{M1} Sektor pelancongan dapat menarik pelancong dari luar negara dan memberikan manfaat kepada ekonomi negara. Sektor pelancongan menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara pada tahun 2019 dengan kehadiran 26.1 juta orang pelancong antarabangsa.

Kerajaan Malaysia mengambil langkah untuk memperkukuh daya saing, pembangunan lestari dan digitalisasi dalam industri pelancongan dengan adanya Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030. Selain itu, pihak kerajaan perlu menganjurkan acara antarabangsa untuk menarik pelancong ke negara kita. Sebagai contohnya, penganjuran Le Tour de Langkawi serta Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA). ^{M2} Sektor pelancongan dapat menjana pendapatan melalui perbelanjaan pelancong, cukai pelancongan, pelaburan pelancongan dan eksport perkhidmatan pelancongan. Lebih-lebih lagi, ^{M3} sektor pelancongan juga membuka peluang pekerjaan dan perniagaan dalam pelbagai bidang seperti bidang penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, hiburan dan lain-lain.

^{M4} Sektor pelancongan mampu memperkukuh daya saing negara dengan menonjolkan keunikan dan kepelbagaian Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, ^{M5} sektor pelancongan juga dapat menarik pelabur asing yang berminat untuk melabur dalam projek-projek pelancongan yang berpotensi seperti taman tema antarabangsa. Contohnya, di Melaka, masyarakat tempatan dapat menarik minat pelancong dengan menawarkan lawatan ke bangunan bersejarah seperti A Famosa, Stadthuys dan Masjid Kampung Hulu. ^{M6} Sektor pelancongan dapat menjaga dan memelihara alam semula jadi dengan menggalakkan amalan pelancongan lestari yang mengambil kira kesan terhadap persekitaran. Kesimpulannya, sektor pelancongan memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara Malaysia dan rakyat perlu memberikan kerjasama untuk menjayakan sektor pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.melancong.com.my/>

Pantun Marilah Melancong

Enaknya manggis tidak terperi,
Dimakan oleh anak ketiga;
Pergilah melancong ke seluruh negeri,
M7 Erat perhubungan dalam keluarga.

Pasar tani pengunjungnya ramai,
Mari membeli pelbagai bahan;
Melancong itu aktiviti damai,
M8 Fikiran tenang hilang kesedihan.

Wan Noor Hidayah
Sekinchan, 2023.



04

Murid menyerlahkan/ menggarisi isi Fokus 2 dan melabelkannya dengan nombor/abjad pada Bahan 1 dan Bahan 2. Murid meletakkan tanda (*) pada isi sampingan.

Bahan 1

Fokus 2: Langkah

Sektor pelancongan merupakan salah satu ektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Sektor pelancongan dapat menarik pelancong dari luar negara dan memberikan manfaat kepada ekonomi negara. Sektor pelancongan menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara pada tahun 2019 dengan kehadiran 26.1 juta orang pelancong antarabangsa.

L1

Kerajaan Malaysia mengambil langkah untuk memperkukuh daya saing, pembangunan lestari dan digitalisasi dalam industri pelancongan dengan adanya Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030.

L2

Selain itu, **pihak kerajaan perlu menganjurkan acara antarabangsa untuk menarik pelancong ke negara kita.** Sebagai contohnya, penganjuran Le Tour de Langkawi serta Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA).^{*} Sektor pelancongan dapat menjana pendapatan melalui perbelanjaan pelancong, cukai pelancongan, pelaburan pelancongan dan eksport perkhidmatan pelancongan. Lebih-lebih lagi, sektor pelancongan juga membuka peluang pekerjaan dan perniagaan dalam pelbagai bidang seperti bidang penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, hiburan dan lain-lain.

Sektor pelancongan mampu memperkukuh daya saing negara dengan menonjolkan keunikan dan kepelbagaian Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, sektor pelancongan juga dapat menarik pelabur asing yang berminat untuk melabur dalam projek-projek pelancongan yang berpotensi seperti taman tema antarabangsa. Contohnya, di Melaka, masyarakat tempatan dapat menarik minat pelancong dengan menawarkan lawatan ke bangunan bersejarah seperti A Famosa, Stadthuys dan Masjid Kampung Hulu. Sektor pelancongan dapat menjaga dan memelihara alam semula jadi dengan menggalakkan amalan pelancongan lestari yang mengambil kira kesan terhadap persekitaran. Kesimpulannya, sektor pelancongan memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara Malaysia dan rakyat perlu memberikan kerjasama untuk menjayakan sektor pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.melancong.com.my/>

Cuti-Cuti Malaysia



Pada pendapat Man, apakah usaha yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan?

Pada pendapat saya, pihak kerajaan mengadakan promosi pelancongan secara besar-besaran di media sosial dan media massa. Selain itu, pihak kerajaan juga menambah perkhidmatan pelancongan kesihatan yang lebih efisien.

L3

L4



Bagus cadangan kamu. Pendapat saya pula, pihak berkuasa juga perlu menitikberatkan aspek keselamatan dalam negara untuk menarik pelancong ke negara kita.

L5

Betul tu, saya bersetuju dengan pendapat kamu, Siti.





05 >>>

Murid memilih isi.

FOKUS	ISI			
	Bahan 1	Bahan 2	Bahan 3	JUMLAH
F1 - MANFAAT	6	x	3	9
F2 - LANGKAH	2	3	x	5



Murid perlu mengambil dan menulis isi daripada setiap bahan dan setiap fokus.



06 >>>

Menulis perenggan pendahuluan.

Rumusan membincangkan ____ (Fokus 1) ____ kata kunci + tema dan ____ (Fokus 2) kata kunci + tema.

Rumusan membincangkan manfaat sektor pelancongan dan langkah memajukan sektor pelancongan di Malaysia.



07 >>>

Menulis perenggan Fokus 1.

Manfaat sektor pelancongan ialah sektor pelancongan dapat menarik pelancong dari luar negara dan memberikan * manfaat * kepada ekonomi negara. Selain itu, sektor pelancongan dapat menjana pendapatan. Lebih-lebih lagi, sektor pelancongan juga membuka peluang pekerjaan dan perniagaan dalam pelbagai bidang. Di samping itu, sektor pelancongan mengeratkan perhubungan dalam keluarga. Tambahan pula, sektor pelancongan juga dapat menenangkan fikiran serta menghilangkan kesedihan.

Murid perlu memasukkan penanda wacana yang sesuai.

ooo

Fokus 1
daripada Bahan
1 dan Bahan 3.



08

Menulis perenggan Fokus 2.

Langkah memajukan sektor pelancongan di Malaysia ialah kerajaan Malaysia mengambil *langkah* untuk memperkukuh daya saing, pembangunan lestari dan digitalisasi dalam industri pelancongan dengan adanya Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030. Selain itu, pihak kerajaan perlu menganjurkan acara antarabangsa untuk menarik pelancong ke negara kita. Pihak kerajaan mengadakan promosi pelancongan secara besar-besaran di media sosial dan media massa. Seterusnya, pihak kerajaan juga menambah perkhidmatan pelancongan kesihatan yang lebih efisien. Akhir sekali, pihak berkuasa juga perlu menitikberatkan aspek keselamatan dalam negara untuk menarik pelancong ke negara kita.

Murid perlu memasukkan penanda wacana yang sesuai.

ooo

Fokus 2
daripada Bahan
1 dan Bahan 2.



09

Menulis perenggan kesimpulan.

Kesimpulannya, (tema) + (cadangan) + (kata kerja pasif) supaya (harapan positif berkaitan tema).

Kesimpulannya, (sektor pelancongan) (haruslah diberi perhatian) supaya (negara Malaysia lebih maju.)



Rumusan membincangkan **manfaat** sektor pelancongan dan **langkah** memajukan sektor pelancongan di Malaysia.

Manfaat sektor pelancongan ialah sektor pelancongan **dapat** menarik pelancong dari luar negara dan memberikan **manfaat** kepada ekonomi negara. **Selain itu**, sektor pelancongan **dapat** menjana pendapatan. **Lebih-lebih lagi**, sektor pelancongan **juga** membuka peluang pekerjaan dan perniagaan dalam pelbagai bidang. **Di samping itu**, sektor pelancongan mengeratkan perhubungan dalam keluarga. **Tambahan pula**, sektor pelancongan juga dapat menenangkan fikiran serta menghilangkan kesedihan.

Langkah memajukan sektor pelancongan di Malaysia ialah kerajaan Malaysia mengambil **langkah** untuk memperkukuh daya saing, pembangunan lestari dan digitalisasi dalam industri pelancongan dengan adanya Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030. **Selain itu**, pihak kerajaan perlu menganjurkan acara antarabangsa untuk menarik pelancong ke negara kita. Pihak kerajaan mengadakan promosi pelancongan secara besar-besaran di media sosial dan media massa. **Akhir sekali**, pihak kerajaan juga menambah perkhidmatan pelancongan kesihatan yang lebih efisien.

Kesimpulannya, sektor pelancongan haruslah diberi perhatian supaya negara Malaysia lebih maju.

(118 patah perkataan)